

UKM, Kausar bangun modul pengurusan pewarisan Islam

Bangi: Modul pengurusan pewarisan Islam yang pertama seumpamanya di Malaysia akan dibangunkan secara berstruktur oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi melahirkan tenaga profesional dalam industri pewarisan Islam di negara ini.

Pembangunan modul berkenaan, adalah hasil kerjasama UKM dan Kausar Wealth Management Sdn Bhd (Kausar), sebuah syarikat peneraju khidmat perancangan kewangan dan pewarisan harta Islam.

Bagi menzahirkan inisiatif ini, satu majlis menandatangani memorandum Persefahaman

(MoU) diadakan antara UKM dan Kausar, di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, UKM diwakili oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali, manakala Kausar diwakili Pengarah Urusannya, Khamarul Azhar Hashim.

Perunding profesional

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Undang-Undang UKM, Prof Dr Zinatul Ashikin Zainol; Pengarah Kausar, Suzana Abu Bakar dan Ketua Pegawai Eksekutif Mirandah Asia (Malaysia) Sdn Bhd, Patrick Mirandah.

Terdahulu, Dr Noor Azlan dalam ucapannya berkata, Kausar

akan bekerjasama dengan Fakulti Undang-Undang UKM untuk membangunkan modul pengurusan pewarisan Islam yang pertama seumpamanya di Malaysia secara berstruktur dan profesional.

"Sasaran utama kami adalah untuk melahirkan perunding profesional dalam bidang pewarisan Islam, satu inisiatif yang julung kali dibuat dalam industri ini di Malaysia," katanya.

Pada majlis itu, Kausar turut bersetuju untuk menyalurkan kutipan dana sedekah dan hibah kepada pelajar UKM yang memerlukan serta pembangunan prasarana di fakulti berkenaan.



Dr Noor Azlan (tengah) dan Khamarul Azhar (dua dari kanan) pada majlis menandatangani MoU dengan UKM.